

21/10/2000

Telekom kurangkan enam peratus kos operasi

TELEKOM Malaysia Bhd (Telekom Malaysia), menjangka dapat mengurangkan antara lima hingga enam peratus kos operasi pengurusan kesihatan kakitangannya di seluruh negara dengan pelaksanaan program Organisasi Pengurusan Kesihatan (HMO).

Pantai Medicare Sdn Bhd (PMCare) dilantik oleh Telekom Malaysia untuk menguruskan pentadbiran perkhidmatan perubatannya melalui program HMO.

Pengarah Eksekutif yang juga Ketua Pegawai Operasi Telekom, Datuk Dr Abdul Rahim Daud, berkata ketika ini syarikat membelanjakan kira-kira RM22 juta setahun untuk perkhidmatan perubatannya yang membabitkan 25,000 kakitangan.

Beliau berkata, program yang dijalankan dengan PMCare itu mengandungi banyak kelebihan yang akan memanfaatkan syarikat dan anggota syarikat dalam jangka masa panjang.

"Telekom Malaysia kini mempunyai 90 kakitangan yang terbabit dalam menguruskan perkhidmatan perubatannya tetapi melalui program HMO, jumlah itu dapat dikurangkan," katanya selepas majlis memeterai perjanjian antara pihaknya dan Pantai Medicare di Petaling Jaya, Selangor.

Pada majlis itu, Telekom Malaysia diwakili Abdul Rahim manakala PMCare diwakili oleh Ketua Eksekutif Kumpulan Pantai Holdings Bhd (Pantai), Mokhzani Mahathir.

Beliau berkata, antara langkah yang dapat mengurangkan kos ialah penggunaan maklumat atau laporan berasaskan laman web yang mana skim pembayaran lebih cekap dapat dikemas kini.

"Telekom Malaysia mengambil konsep pengurusan penjagaan kesihatan kepada pihak ketiga sebagai cara untuk menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan yang semakin membebankan," katanya.

(END)